

**MALAYSIA**  
**SURAT AKUAN**

Saya, [Nama Penuh], (No. K/P: [No. Kad Pengenalan]), sebagai pemegang amanah bagi pihak [Nama Badan Korporat], sebuah badan korporat yang didaftarkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258], dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku seperti berikut:-

1. Bahawa saya dan badan korporat ini, [Nama Badan Korporat], tidak akan melakukan atau terlibat dalam kegiatan pembiayaan bagi aktiviti keganasan, tipu, penipuan dalam talian, pengubahan wang haram, atau sebarang bentuk jenayah komersil sebagaimana yang dilarang di bawah undang-undang Malaysia dan undang-undang antarabangsa yang berkenaan;
2. Bahawa semua aktiviti operasi dan pentadbiran serta urus niaga yang dijalankan oleh [Nama Badan Korporat] adalah selaras serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613], Akta Pencegahan Rasuah 1997 [Akta 575], dan undang-undang lain yang berkaitan;
3. Bahawa saya dan [Nama Badan Korporat] komited dalam mengamalkan tata kelola, tadbir urus korporat yang baik dan integriti dalam semua aspek operasi dan pentadbiran serta urus niaganya;
4. Bahawa tiada mana-mana pemegang amanah atau kakitangan [Nama Badan Korporat] yang sedang disiasat, sedang dibicarakan atau telah disabitkan atas sebarang kesalahan berkaitan dengan kegiatan pembiayaan bagi aktiviti keganasan, tipu, penipuan dalam talian, pengubahan wang haram atau jenayah komersil;
5. Bahawa saya dan [Nama Badan Korporat] akan terus mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di Malaysia dan akan mengambil semua langkah pencegahan dan kawalan dalaman yang ketat untuk memastikan pencegahan ke atas aktiviti tidak sah yang dinyatakan di atas;

dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut dalam perakuan ini adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 783] tanpa ada paksaan atau hasutan dari mana-mana pihak. Saya bersedia untuk bertanggungjawab sepenuhnya di atas kenyataan yang telah diakui ini sekiranya terdapat sebarang kepalsuan dan pelanggaran undang-undang yang berkaitan.

Diperbuat oleh )

..... )

(No. K/P: .....)

di dalam negeri )

pada )

di hadapan saya )

)

)

)